

**World Micro Nasihati Malaysia Mengenai Kesedaran Terhadap Pemalsuan
Bernama
8 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- World Micro, Inc. mengumumkan bahawa syarikat anggota hab pengedaran Asianya di Pulau Pinang telah mengadakan satu sesi rasmi mengenai isu komponen palsu bagi pejabat-pejabat di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) baru-baru ini.

Sesi itu memberikan maklumat tentang komponen elektronik palsu dan menawarkan bantuan kepada Malaysia untuk membanteras pemerdagangan alat ganti haram melalui program-program pendidikan.

Dalam kenyataan di sini, World Micro berkata pembentangan bertema "Kesedaran, Pengesanan dan Pengurangan Komponen Elektronik yang Tidak Mengikut Piawaian dan Disyaki Palsu" itu disertai oleh 35 pegawai penguatkuasa Malaysia dan pegawai-pegawai kerajaan dari Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA).

World Micro, sebuah syarikat pengedar komponen elektronik bebas yang menyediakan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat multinasional, menandatangani perjanjian kerjasama dengan NCIA tahun lepas untuk merasmikan pembukaan hab pengedaran Asianya di Pulau Pinang.

Perjanjian itu dijangka meningkatkan keupayaan Malaysia untuk membanteras rantaian bekalan alat ganti elektronik palsu melalui program-program latihan kepada perniagaan tempatan dan serantau, serta membantu menyokong pertumbuhan ekonomi dalam rantau ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650973>